



PARA penerima hadiah sepak takraw UMS merakam gambar kenangan.

'Ini kali lah' juara sepak takraw UMS

HE 12-4-2013 12

KOTA KINABALU: Pasukan 'Ini Kali Lah' muncul juara dalam Pertandingan Sepak Takraw Sukan Massa Mahasiswa 2013 Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan di Kompleks Sukan UMS baru-baru ini.

Pasukan tersebut mengalahkan regu pasukan 'Asal Boleh' dengan kiraan mata 15-11, 12-15, 16-14 sebelum menewaskan pasukan 'Gila-Gila Regu' 15-12, 16-14.

Kejayaan menewaskan kedua-dua pasukan di peringkat pusingan akhir yang berkonsepkan liga itu sekaligus membolehkan pasukan

yang dibarisi oleh Sharif Idrus Abdul Taib, Syafiq Edul dan Muhammad Fakhrollah Abdul Muda menerima hadiah berupa piala, pingat dan hamper.

Naib juara disandang oleh pasukan 'Gila-Gila Regu' manakala pasukan 'Asal Boleh' berada di tempat ketiga. Mereka masing-masing menerima hadiah berupa pingat kejohanan. Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pembantu Belia Dan Sukan Pusat Sukan UMS, Douglas Eric Elisa Tar.

Selain acara sepak takraw yang membolehkan penyer-

taan sebanyak 12 pasukan, pelbagai acara sukan lain turut sama diadakan. Antaranya, futsal, bola jaring dan bola tampar.

Penganjuran kejohanan berkenaan antara lain bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar UMS untuk bergiat aktif dalam sukan sekaligus sebagai medan mencungkil bakat-bakat baru yang boleh diketengahkan dalam kejohanan-kejohanan besar kelak. Ia juga sebagai satu langkah memupuk amalan gaya hidup sihat melalui sukan dan rekreasi.